

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR SHAHIDAN KASSIM [ARAU]

TARIKH : 4 JULAI 2019 [SELASA]

SOALAN :

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah pihak Kerajaan turut mempertimbangkan hak dan pengiktirafan kepada sesetengah pemimpin Kerajaan Pakatan Harapan yang bukan Islam dalam isu pemberian wang zakat kepada orang Islam kerana ia boleh menimbulkan kekeliruan serta boleh menimbulkan prasangka buruk oleh orang Islam yang mana tanggungjawab tersebut sepatutnya digalas orang Islam.

**JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan aktiviti agihan zakat adalah berbeza bagi setiap negeri mengikut dasar dan pertimbangan pihak berkuasa agama Islam negeri masing-masing dan Kerajaan Persekutuan tidak boleh mencampuri urusannya dalam perkara berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, perkara berkaitan penyerahan bantuan zakat oleh individu bukan Islam kepada asnaf yang dibuat oleh

NO. SOALAN : 99

pemimpin politik bukan beragama Islam sepertimana yang berlaku di Pulau Pinang tempoh hari, penyerahan bantuan oleh wakil rakyat bukan Islam dilihat hanya sebagai pengantara dalam kapasiti sebagai pemimpin masyarakat semasa penyampaian bantuan tersebut, namun apa yang lebih penting adalah zakat tersebut diserahkan kepada golongan yang layak menerima zakat sebagaimana yang dinyatakan di dalam Al-Quran, dalam surah At-Taubah Ayat 60 telah menjelaskan bahawa zakat hanyalah layak diberi kepada lapan golongan asnaf iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, fisabilillah, ibnu sabil, al-gharimin dan ar-riqab.

Oleh itu, saya percaya kerajaan negeri telah, sedang dan akan mengambil tindakan terbaik dari semasa ke semasa mengikut kemampuan masing-masing bagi mengendalikan dan meningkatkan perkhidmatan pengurusan zakat.

Sekian, terima kasih